
Title	Takrifan dan peranan budaya dalam masyarakat
Author	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 2007 Muhammad Ariff bin Ahmad

Seminar Belia 2007

Takrifan & Peranan Budaya dalam Masyarakat oleh Dr Muhd Ariff Ahmad

**3 September 2007
Maktab Rendah Tampines**

© Muhammad Ariff Ahmad 2007 Ogos 29
disampaikan kepada **SEMINAR BELIA**
anjaran TAMPINES JUNIOR COLLEGE
pada Isnin 3 Sept 2007 @ 08.30 pagi

TAKRIFAN dan PERANAN BUDAYA dalam Masyarakat Melayu

mukadimah

Saya telah diminta penganjur supaya menyampaikan kepada Seminar ini, suatu ceramah mengenai **takrifan dan peranan budaya dalam masyarakat Melayu**.

Sepanjang ingatan saya: kekata **kebudayaan** itu baru sampai ke pengetahuan kita di Malaya ini semenjak tahun 1947; iaitu apabila Allahyarham Cikgu Mahmud Ahmad diundang Radio Malaya Singapura, bahagian Melayu, untuk mencakapkan hal-hal yang berkenaan dengan **kebudayaan Melayu**, melalui rancangan yang dinamai "Halaman Kebudayaan RMS" selama 15 minit tiap kali percakapan¹nya.

Ceramah Radio Cikgu Mahmud telah dilakukan 33 kali sepanjang tahun 1947 – 1948. Saya rasa bertuah kerana telah diberi peluang menyemak dan membincangkan naskah-naskah ceramah itu sebelum naskah itu dicetak Pustaka Melayu, dengan nama "**kebudayaan sepintas lalu**" pada tahun 1960.

Menerangkan makna kebudayaan itu Cikgu Mahmud berkata bahawa kekata **kebudayaan** itu berasal dari bangsa Sanskrit yang semakna dengan kekata **adab** (dalam bahasa Arab) atau **culture** (dalam bahasa Barat)².

Merumuskan keterangan Adi Negoro, melalui bukunya **Falsafah Ratu Dunia**³, Cikgu Mahmud berkata, bahawa **kebudayaan** itu:

- membersihkan jiwa manusia dengan pendidikan dan pelajaran dalam hal kebatinan, budi pekerti dan kesenian;
- hasil dari penyempurnaan yang terbukti pada kelakuan manusia dan dalam cara hidup mereka;
- hasil dari usaha manusia yang telah mempunyai kemajuan.

Ditukil jua oleh Cikgu Mahmud, keterangan Haji Agus Salim, melalu bukunya **Jejak langkah Haji Agus Salim** yang mengatakan: bahawa kekata **kebudayaan** itu berasal dari kekata **budaya**; dan **budaya** itu merupakan cantuman kata (akronim) dari kekata **budi** dan **daya**. **Budi** mengandungi makna *akal, fikiran, fahaman, ikhtiar* dan *perasaan*; manakala **daya** mengandungi makna *tenaga, kekuatan, kemampuan* dan *kesanggupan*⁴.

Apabila Singapura merdeka (pra-Malaysia) dalam tahun 1959, saya⁵ bersama Ramli Abdul Hadi dan beberapa anggota Lembaga Tetap Kongres (bahasa dan budaya)

¹ Sekarang percakapan demikian itu disebut *ceramah*.

² Baca "*kebudayaan sepintas lalu*" – 1960.

³ idem

⁴ idem

⁵ sebagai Pengerusi Lembaga Tetap Kongres.

Singapura telah menemui Menteri Kebudayaan Singapura, Tuan S. Rajaratnam, menyampaikan hasrat Kongres kebudayaan Melayu (1)⁶, iaitu **kebudayaan rakyat Malaya yang merdeka hendak berteraskan kebudayaan Melayu.**

takrif (definisi) kebudayaan

Menteri Kebudayaan memberitahu bahawa ada lebih dari 120 definisi (takrif) kebudayaan itu. Kalau yang ada maksudkan itu **bahasa**, telah kita akui **bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan kita**; kalau yang anda maksudkan itu **kesenian**, kita sedang rancakkan “**aneka ragam rakyat**”, boleh dikatakan tiap minggu⁷.

Keterangan Menteri tentang 120 definisi budaya itu mengingatkan saya kepada pendapat A L Kroeber dan C Kluckhohn yang telah menganalisa sebanyak 160 tafsiran tentang kebudayaan (culture)⁸.

Bagaimanapun, Kluckhohn sendiri telah mengonsepan kebudayaan itu sebagai “**satu sistem eksplisit dan implisit yang berterusan yang dicipta oleh manusia untuk kehidupan manusia supaya dinikmati oleh sekalian atau sebilangan tertentu anggota-anggota masyarakat manusia**”.

E B Taylor pula mengungkap bahawa “**kebudayaan itu ialah kompleks keseluruhan yang terkandung di dalamnya: *pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, adat, undang-undang* serta *kepandaian-kepandaian* dan *kebiasaan* lain yang diperoleh dan diamalkan manusia sebagai anggota masyarakat**”.

Dr Muhammad Hatta⁹, wakil Presiden Indonesia pertama, membuat pembatasan bahawa: “**kultur (kebudayaan) itu dianggap *sivilisasi* apabila tujuan jasmaninya lebih besar dan bertitik berat pada materialisma; tetapi kebudayaan menjadi *peradaban* apabila faktor-faktor adab dan moral lebih besar pengaruhnya...**

“**Yang demikian, *sivilisasi* (yang juga disebut ‘kebudayaan jasmani’) ialah kebudayaan yang menghasilkan kepuasan material: termasuklah *ilmu pengetahuan, pelajaran, politik, ekonomi, undang-undang* dan *teknik*; manakala *peradaban* (yang juga disebut ‘kebudayaan rohani’) adalah kebudayaan yang menghasilkan kepuasan mental: termasuklah *falsafah, pendidikan, kesusasteraan, adat istiadat* dan *kepercayaan*¹⁰”.**

⁶ Kongres tersebut telah diadakan di Melaka 30-12-1957 hingga 2 Januari 1958;

⁷ **Aneka Ragam Rakyat** ialah persembahan kesenian pelbagai kaum rakyat Singapura di tempat-tempat terbuka supaya tiap rakyat mudah menontonnya.

⁸ Baca bukunya *Culture, A Critical Review of Concepts and Distinction*.

⁹ melalui buku keempat *kumpulan karangan-karangannya*.

¹⁰ kepercayaan (tahyul) yang bukan agama (Islam).

Prof Dr Koentjaraningrat pula¹¹ menyebutkan bahwa: “ada tujuh unsur kemestaaan (keseluruhan) kebudayaan, iaitu:

(1) peralatan dan perlengkapan hidup manusia:

= termasuk, pakaian, perumahan, alat rumahtangga, senjata, alat-alat pengeluaran/penghasilan, kenderaan, pengangkutan dan sebagainya.

(2) mata pencarian dan sistem ekonomi:

= termasuk pertanian, perternakan, perindustrian, perburuhan dan yang sebagainya.

(3) sistem kemasyarakatan:

= termasuk sistem kekerabatan, sistem persemendaan, sistem hukum dan adat, sistem kejuruan, organisasi politik dan ormas.

(4) kesenian, riadhah dan hiburan:

= termasuk senirupa, senisuar, senilakon, senitari, pencak silat, hobi, kraftangan dan yang sebagainya

(5) bahasa dan kesusasteraan

(6) sistem pendidikan dan pengajaran

(7) kepercayaan.

Dari pembentangan di atas dapat kita tarik kesimpulan bahawa:

- **kekata kebudayaan** sangat rapat hubungannya dengan **kekata budi**. Budi berasal dari **kekata Sanskrit budh** yang bermakna “*berbuat baik*”.
- dalam bahasa Sanskrit **kekata budh** itu berbentuk *singular*; yang *pluralnya* disebut **budhya**; dalam bahasa Indonesia, **kekata** itu disebut **budaya**; kadang disebut juga **kultur**); dibawa ke Singapura kemudian meluas ke Semenanjung, kita sebut **budaya** juga.
- **kebudayaan** adalah **ciptaan manusia**; penjelmaan dari *cipta*, *rasa* dan *karsa* (yang diungkap Drs Soeharto Rijoatmodjo dengan kata *pemikiran*; *perasaan* dan *kemahuan* manusia) untuk disuguh atau diwariskan kepada warisnya (generasi sesudah mereka) supaya kehidupan generasi sesudah mereka itu menjadi lebih baik; lebih sempurna dan dapat mencapai kepuasan jasmani dan rohaninya.

Oleh sebab pada dasarnya: **budaya**; **kebudayaan** itu **baik**, maka apapun yang dilakukan manusia mengenai mana-mana unsur kemestaaan kebudayaan yang tersebut tadi mestilah yang **baik-baik belaka**; unsur-unsur yang tidak baik, tidaklah seyogianya disebut “kebudayaan”!

¹¹ Menerusi bukunya: *Pengantar Antropologi*.

Peranan budaya

Melihat kepada tujuh kemestaaan kebudayaan yang dibentangkan di atas, nyata bahawa kebudayaan itu sangat rapat hubungannya dengan manusia – sama ada dengan manusia individu, lebih-lebih lagi kepada manusia bermasyarakat. Takrif dan tafsir yang paling mudah dan umum difaham ialah “*cara hidup*” manusia.

Ketika Adam (manusia pertama) dicipta Allah swt, ia diajari (diberi ilmu) oleh Allah sebagai panduan beliau menghayati hidupnya bersendirian. Namun, apabila Hawa dicipta, Adam tidak menyendirikan lagi, automatik suatu masyarakat¹² mula terbina.

Dalam masyarakat itu Adam digelar suami dan Hawa digelar isteri. Untuk memelihara kerukunan dan kesejahteraan masyarakat itu, suatu cara hidup yang munasabah lagi sesuai harus diwujudkan. Cara hidup itu disebut *adab*, kemudian jadi *adat*; sekarang kita kenal dengan nama *kebudayaan*¹³.

Berasaskan hukum Allah: *ar-rijalu kauwamun ‘alan-nisaa’* (yang lelaki memimpin yang perempuan), adat manusia dicipta, dengan sang lelaki terangkat menjadi *senior member* mengetuai yang perempuan sebagai *junior member*nya dalam pengurusan kehidupan mereka.

Menyentuh peranan kebudayaan dalam masyarakat Melayu, sebenarnya semua ketujuh-tujuh aspek kebudayaan yang tersebut tadi berperanan juga dalam masyarakat Melayu; cuma pengurusan dan penggarapannya yang dilakukan kurang seimbang.

Antara tujuh aspek kebudayaan itu, yang masih tampak dipergiat hingga masa kini ialah yang berkenaan kesenian; hiburan; riadah; fesyen pakaian; sedikit tentang adat persembadaan. Demikian juga dengan kemajuan bahasa dan kesusasteraan.

Dalam banyak hal yang menyangkut kebudayaan mengenai kraftangan dan pertukangan nampaknya beransur malap. Kebanyakan kita lebih selesa dengan apa yang dikatakan *kebudayaan global*.

Mujurlah budaya mengenai pendidikan dan ekonomi kita tampak sedang diperhebat ke arah persaingan dengan masyarakat lain. Justeru kedua-dua aspek (ilmu dan ekonomi) ini merupakan kemampuan untuk memaju dan menyemarakkan kebudayaan berperanan dengan wajar.

Wallahu a’lam bis-sawab...

¹² Masyarakat terkecil ialah terbentuk dari dua manusia. Mereka harus sepakat; harus ada peraturan atau disiplin yang sesuai untuk memelihara kerukunan dan kesejahteraan masyarakat tersebut. Peraturan atau disiplin itulah yang disebut *adat*. *Adat* itulah yang disebut *cara hidup* atau *kebudayaan*.

¹³ baca buku NILAM (Nilai Adat Melayu), tulisan Muhammad Ariff Ahmad 2007 mukasurat 27.